



**KENYATAAN AKHBAR  
JABATAN ALAM SEKITAR**

---

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA GEMPUR TAPAK HARAM  
 PENYIMPANAN SISA TOKSIK BERBAHAYA DI MELAKA**

**MELAKA - 10 OKTOBER 2020** - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka telah berjaya mengesan dan menyita tapak haram pembuangan sisa toksik dan bahan terjadual berbahaya di Jalan Pengkalan Perigi, Tanjung Kling, Melaka. Sisa toksik yang dikesan merupakan buangan terjadual enapcemar atau minyak yang disyaki dari loji penapisan minyak dengan kod SW314.

Bertindak hasil aduan orang ramai, JAS Negeri Melaka telah menjalankan risikan dan intipan sejak 6 Oktober 2020 termasuk pemantauan dengan menggunakan dron. Pada 8 Oktober 2020 JAS Negeri Melaka bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Badan Kawal Selia Air (BKSA) telah melaksanakan operasi bersepadu ke premis tersebut.

Siasatan lanjut mendapat **terdapat lebih 900 tong dram, 6 tangki intermediate bulk containers (IBC), 7 tong tercemar dan 5 buah tangki simpanan minyak yang disyaki mengandungi enapcemar minyak**. JAS juga akan jalankan *finger printing* dan pengumpulan bahan bukti untuk menjelaskan pihak yang bertanggungjawab bagi tujuan pendakwaan.

Pasukan siasatan JAS Negeri Melaka telah menjalankan persampelan bahan buangan tersebut dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia bagi tujuan analisis dan penentuan ciri serta komposisi bahan buangan itu. Dalam pada itu, pemantauan dron dan kualiti udara dilakukan dari masa ke semasa untuk memastikan keadaan selamat di lokasi kejadian.

Pihak premis juga telah diarahkan untuk menjalankan pembersihan dan pelupusan buangan yang disyaki buangan terjadual setelah siasatan selesai dijalankan melalui Notis Arahan di bawah Seksyen 31(1)(g) & 37(1)(c) AKAS 1974.

Kertas siasatan sedang disediakan bagi pelbagai kesalahan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu **kesalahan menempatkan**

## UNTUK SIARAN SEGERA

**buangan terjadual tanpa kebenaran Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling, jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum penjara mandatori dan denda sehingga RM500,000.00.**

**Saya ingin memberi amaran keras kepada semua pihak terutamanya pihak industri termasuk kontraktor pengangkut dan premis yang mengendalikan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual supaya memastikan sisa toksik dan berbahaya diuruskan dengan sempurna dan mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.** JAS tidak akan berkompromi dengan penjenayah alam sekitar dan ingin ditegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan JAS akan terus diperhebatkan demi menjamin kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

JAS mengalu-alukan maklumat-maklumat yang tepat diberikan oleh orang awam bagi membolehkan JAS mengambil tindakan pantas dalam membanteras insiden pencemaran alam sekitar.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menjadi mata dan telinga JAS dan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**Puan Norlin Jaafar  
Ketua Pengarah Alam Sekitar  
Putrajaya**

Dikeluarkan pada 10 Oktober 2020

- Tamat -


### **NOTA:**

- *Operasi ini telah dijalankan dengan mematuhi semua Prosedur Tetap Operasi (SOP), arahan dan langkah-langkah keselamatan serta kesihatan yang dikeluarkan masing-masing oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan JAS. Ini adalah penting bagi memastikan usaha kerajaan ke arah membendung penularan wabak Covid-19 dalam negara berjaya dilaksanakan.*

Gambar-gambar di lokasi penyimpanan haram buangan toksik



Gambar keseluruhan kawasan gudang penyimpanan



Kawasan penyimpanan tong dram (kawasan belakang)



Tangki simpanan minyak yang disyaki mengandungi minyak diesel



Tong dram yang berlabel buangan terjadual



Pegawai JAS menjalankan percontohan buangan terjadual